



## KENYATAAN MEDIA

### Kenyataan Chevron

Berikut adalah kenyataan daripada Chevron Malaysia Limited sebagai respon kepada mesyuarat yang diadakan di antara Chevron, beberapa bekas pengusaha stesen minyak Caltex dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) baru-baru ini:

Chevron Malaysia sedar akan pernyataan-pernyataan yang dikeluarkan oleh pihak ketiga terhadap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Chevron, di mana kebanyakannya adalah tidak benar, berunsur provokasi dan mengelirukan.

Chevron menghargai bantuan daripada pihak KPDNKK dengan sokongan yang diberikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) sebagai pihak yang neutral dalam usaha untuk menyelesaikan masalah ini.

Penamatan kontrak enam pengusaha stesen minyak Caltex baru-baru ini merupakan satu keputusan perniagaan, dan ianya dilaksanakan mengikut kontrak perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Pengusaha-pengusaha ini telah diberikan hak untuk mengendalikan stesen Caltex yang dimiliki oleh Chevron Malaysia. Sebarang pertikaian daripada pengusaha-pengusaha yang terlibat dengan isu penamatan kontrak ini haruslah melalui saluran undang-undang yang sah dan berlandaskan undang-undang negara.

Kepada semua pelanggan kami, kami ingin memaklumkan bahawa stesen-stesen Caltex kami akan terus dibuka untuk anda seperti biasa! Kami ucapkan ribuan terima kasih atas sokongan anda!